

di bawah subseksyen 3(1) Akta Perempuan Bersuami dan Anak-Anak (Nafkah) 1950 dan subseksyen 4(1) Akta Perempuan Bersuami dan Anak-Anak (Penguatkuasaan Nafkah) 1968 [Akta 356].

14

Bolehkah suami enggan membayar nafkah atas alasan pendapatan isteri telah mencukupi?

Tidak boleh. Suami tidak terlepas daripada tanggungan untuk membayar nafkah hanya kerana isteri mempunyai pendapatan atau wangnya sendiri.

15

Bolehkah isteri yang meninggalkan "rumah perkahwinan" membuat tuntutan nafkah untuk dirinya?

Seseorang isteri yang enggan menerima pelawaan suami untuk kembali hidup bersamanya, sekiranya mahkamah mendapati keengganan tersebut adalah atas sebab-sebab yang tidak munasabah, mahkamah akan menolak permohonan nafkah untuk dirinya itu. Sekiranya pelawaan yang dibuat tidak ikhlas, tidak jujur dan suami berkelakuan buruk, aniaya terhadap isteri, mahkamah akan membuat pertimbangan sewajarnya.

16

Apakah peranan Jabatan Bantuan Guaman dalam tuntutan kes nafkah ini?

Jabatan Bantuan Guaman akan membantu isteri yang berkelayakan mendapat bantuan guaman, menyediakan dokumen tuntutan untuk tuntutan di mahkamah dan mewakili para isteri dan anak di mahkamah.

17

Bagaimanakah tuntutan boleh dibuat?

Isteri boleh menghubungi mana-mana cawangan Jabatan Bantuan Guaman di seluruh Malaysia dengan membawa dokumen seperti yang berikut:

(a) kad pengenalan;

(c) sijil kelahiran anak;

(d) nama dan alamat;

(e) pekerjaan;

(f) perintah perceraian;

(g) laporan perubatan;

(h) laporan polis;

(i) nama majikan;

(j) saksi;

(k) penyata gaji;

(l) perakuan daripada majikan;

(m) pengesahan pemastautinan pihak yang menuntut;

(n) apa-apa dokumen lain yang berkaitan.

Untuk keterangan lanjut, sila berhubung dengan mana-mana cawangan Jabatan Bantuan Guaman yang berdekatan atau Ibu Pejabat Jabatan Bantuan Guaman di alamat yang berikut:

IBU PEJABAT:

JABATAN BANTUAN GUAMAN
ARAS 1, BANGUNAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG
PRESINT 3,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62692 PUTRAJAYA
NO. TELEFON: 03-88851000
NO. FAKSIMILE: 03-88851829/1830/1831
LAMAN WEB: www.jbg.gov.my
SMS: Taip JBG MENU dan hantar ke 15888

CATATAN:

RISALAH INI IALAH SUATU PENERANGAN RINGKAS UNTUK PENGETAHUAN ORANG RAMAI SAHAJA. IA BUKAN NASIHAT UNDANG-UNDANG YANG LENGKAP DAN TERPERINCI.

TUNTUTAN NAFKAH ORANG BUKAN BERAGAMA ISLAM

(DI BAWAH AKTA PEREMPUAN
BERSUAMI DAN ANAK-ANAK
(NAFKAH) 1950)



1

Apakah prinsip asas Akta Perempuan Bersuami Dan Anak-Anak (Nafkah) 1950 [Akta 263]?

Prinsip asasnya adalah bahawa seseorang suami atau bapa kepada anak, sama ada sah taraf atau sebaliknya, mempunyai tanggungjawab untuk menanggung dan membayar nafkah isteri dan anaknya yang tiada berkemampuan untuk menanggung diri mereka sendiri. Sekiranya tanggungjawab ini diabaikan, tuntutan boleh dibuat di mahkamah.

2

Siapakah yang berhak menuntut nafkah?

Perempuan-perempuan yang bersuami yang menuntut bagi diri mereka dan juga anak-anak, sama ada sah taraf atau tidak sah taraf, yang tidak berkeupayaan menanggung diri mereka sendiri, termasuk juga anak angkat yang didaftarkan melalui Akta Pengangkatan 1952.

3

Siapakah yang akan menjadi pihak yang dituntut?

Tuntutan boleh dibuat terhadap mana-mana suami oleh isteri atau kepada bapa oleh anak tersebut.

4

Bilakah tuntutan itu boleh dibuat?

Apabila pihak suami atau bapa cuai atau enggan menanggung nafkah isteri atau anaknya yang sah taraf atau tidak sah taraf.

5

Apakah akibatnya jika suami atau bapa kepada anak-anak sah atau tidak sah taraf ini dengan sengaja tidak menurut perintah mahkamah berkaitan dengan nafkah ini?

Ia merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 4 Akta 263.

6

Keadaan cuai yang bagaimanakah oleh pihak suami atau bapa membolehkan isteri dan anak-anak menuntut nafkah?

Keadaan tersebut adalah apabila nafkah diberikan dalam keadaan tidak mencukupi, tidak tetap atau suami dan/atau bapa tidak memberi nafkah langsung kepada isteri dan anak-anaknya.

7

Berapakah had umur tuntutan bagi anak-anak dan had masa bagi isteri untuk menuntut nafkah?

Bagi kanak-kanak, mereka hendaklah belum mencapai umur 18 tahun dan tiada had masa bagi para isteri membuat tuntutan selagi mereka belum diceraikan.

8

Apakah tindakan yang boleh diambil oleh mahkamah terhadap para suami dalam tuntutan nafkah?

Mahkamah boleh membuat perintah yang berikut terhadap para suami –

- memerintahkan suami membayar nafkah dengan kadar tetap selama tempoh yang ditetapkan;
- menahan pendapatan suami melalui majikan untuk membayar nafkah;
- memerintahkan suami dipenjarakan jika sengaja tidak mahu membuat bayaran nafkah atau gagal membuat bayaran nafkah sebagaimana yang diperintahkan;
- memerintahkan kadar nafkah ditambah apabila perbelanjaan anak-anak meningkat dan juga boleh memerintahkan perintah nafkah dihentikan jika kanak-kanak sudah mencapai umur 18 tahun atau sudah bekerja sebelum umur 18 tahun;
- memerintahkan bayaran nafkah dipotong melalui pencen suami jika suami sudah bersara.

9

Apakah faktor-faktor yang diambil kira dalam menentukan jumlah nafkah?

Mahkamah akan mengambil kira keperluan isteri atau anak serta akan menimbang juga kemampuan suami atau bapa dalam menentukan suatu jumlah nafkah yang munasabah.

10

Apakah faktor-faktor lain yang diambil kira dalam sesuatu tuntutan nafkah?

Faktor-faktor lain tersebut ialah –

- pendapatan dan harta pihak-pihak kepada tuntutan (terutama suami/bapa);
- tanggungan pihak suami atau bapa;
- keperluan kewangan pihak-pihak kepada tuntutan;
- kebolehan kedua-dua pihak untuk mendapatkan pekerjaan;
- umur dan tahap kesihatan pihak-pihak kepada tuntutan.

11

Bilakah perintah nafkah untuk isteri dihentikan?

Perintah nafkah untuk isteri dihentikan apabila perintah perceraian dibuat terhadap isteri atau isteri didapati berzina (*adultery*) dan tidak lagi tinggal bersama suami.

12

Bolehkah perintah nafkah yang telah dikeluarkan oleh mahkamah diubah?

Boleh. Permohonan boleh dibuat kepada mahkamah untuk mengubah atau membatalkan perintah nafkah sekiranya boleh dibuktikan terdapat perubahan matan dalam hal keadaan diri isteri atau suami dan anak.

13

Apakah tindakan yang boleh diambil jika suami/bapa enggan mematuhi perintah nafkah?

Jika suami enggan mematuhi perintah nafkah, tindakan penguatkuasaan boleh dilakukan